**JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA**
CAWANGAN WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN
BLOK 4, TINGKAT 5, UJANA KEWANGAN,
PETI SURAT 80622,
87016 W. P. LABUAN.

Telefon : 087-412172 / 413195 / 414255
Pejabat Pengarah : 087-413729
Faks : 087-419536
E-mel : pcaw_lab@anm.gov.my

Rujukan : ANM/WPL-400/2/020 Jld.2 ( )
Tarikh : 1 April 2022

**KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) / PUSAT PEMBAYAR**

Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN BIL/INVOIS MELALUI KAEDAH TERIMAAN CEK**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman Tuan/Puan, kebelakangan ini Jabatan ini sering menerima cek tak laku daripada bank. Sehubungan itu, pihak Tuan/Puan perlu menyemak keadaan cek sebelum menerimanya agar cek yang diterima mematuhi ciri-ciri yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bil 3 Tahun 2019 seperti berikut:

(i) Maklumat cek adalah tepat:
- a. Tarikh Cek dalam tempoh sah laku;
- b. Nama Kementerian/Jabatan adalah betul;
- c. Amaun dalam perkataan dan angka adalah sama; dan
- d. Mempunyai tandatangan.

(ii) Tiada sebarang pindaan;
- a. Tidak rosak atau koyak;
- b. Cek "Akaun Penerima Sahaja";
- c. *Post Dated Cheque* tidak dibenarkan;
- d. Terimaan melalui cek persendirian adalah tidak dibenarkan;
- e. Penggunaan mod terimaan Cek yang disokong dengan jaminan bank adalah amat digalakkan bagi mengurangkan risiko wujudnya Cek Tak Laku (CTL); dan
- f. Penggunaan *banker cheque /* Bank draf adalah digalakkan.

(iii) Pastikan belakang Cek dicatatkan maklumat berikut:
- a. Nama / Kod Kumpulan PTJ & PTJ; dan
- b. Nombor telefon pembayar.

3. Kerjasama dan perhatian Tuan/Puan berhubung dengan perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**
**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**
***"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"***
Saya yang menjalankan amanah,

**( NG PEIK SEE C.A (M))**
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia,
Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan
☎ : 087-414255
✉ : pcaw_lab@anm.gov.my

1) Boleh tulis **Akauntan Negara Malaysia – Labuan – T** atau nama **Jabatan xxx**
2) Pastikan ejaan Nama Jabatan / Kementerian adalah betul

1) Cek tidak diconteng / digaris, tidak boleh menggunakan cecair pemadam pen dan tidak boleh tandatangan di mana-mana ruangan kecuali ruangan tandatangan
2) Tidak boleh buka palang



1) Wajib ditulis tarikh
2) Tidak boleh bank in sebelum tarikh yang tertera dalam cek – posted cek tidak dibenarkan
3) Sah laku tempoh cek adalah 6 bulan dari tarikh cek

1) Wajib ada tandatangan
2) Tandatangan di ruangan ini sahaja
3) Tidak boleh tandatangani melebihi garisan bawah

1) Ruangan Ringgit dan RM wajib ditulis
2) Amaun dalam perkataan dan angka mesti sama
3) Ejaan dalam perkataan mesti betul
4) Tidak boleh buat sebarang pindaan terhadap nama penerima, tarikh dan amaun dalam perkataan dan angka

Catatkan no akaun terimaan JANM Labuan

**8602654877**




Catatkan nama PTJ / kod Kumpulan PTJ & PTJ

1) Catatkan nombor telefon PTJ untuk pihak bank menghubungi PTJ jika ada masalah
2) Boleh juga mengisi nama dan nombor telefon pembayar / pelanggan